

01 NOV 1996

Radio

TIME HIGHWAY, RADIO RASMI BAGI PERHIMPUNAN ANAK-ANAK YATIM

KUALA LUMPUR, 1 Nov (Bernama) -- Time Highway Radio (THR) menjadi stesen radio rasmi bagi Perhimpunan Anak-anak yatim SeMalaysia di sini dari 23 hingga 29 Nov dalam usaha mengubah tanggapan masyarakat mengenai anak yatim.

Azeem Aras, pengarah urusan yayasan Kebajikan Anak-anak Yatim Malaysia (YATIM) iaitu penganjur bersama acara itu berkata masyarakat sering mempunyai tanggapan bahawa anak yatim perlu makanan dan pakaian sedangkan mereka kekurangan motivasi untuk meneruskan kecemerlangan dalam pendidikan.

"Kami (Yatim) tidak mahu masyarakat menganggap mereka sebagai tanggungan negara, kita harus membantu mereka," kata beliau pada persidangan berita di sini.

Acara itu, anjuran bersama Yatim dan Kajian Sebaran Am Institut Teknologi Mara (ITM) akan berlangsung di kampus utama ITM di Shah Alam.

Time Highway radio akan menghebahkan perhimpunan itu melalui slot Studio 12-THREE, Pukul 3 Pagi, Cross Roads Route 1, Double Parking, Ronda-Ronda, Get into Gear, Back to Base, Gold Disc, Expressway dan Time Out.

Pengurus Besar Time Highway Radio, Mohamed Nor Mohamed Amin hari ini menyerahkan cek bernilai RM36,600 kepada pensyarah Kajian Sebaran Am ITM Mohamed Adnan Hashim bagi kos siaran udara dan pengumuman setiap hari sebelum dan semasa acara itu berlangsung.

Kemuncak acara itu ialah lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Penaung Yatim ke perkhemahan itu pada 29 Nov.

Acara itu berupa perkhemahan pendidikan yang pertama bagi anak yatim dari seluruh negara dan kira-kira 1,300 anak yatim telah dipilih untuk menghadiri perhimpunan selama seminggu itu. -- BERNAMA

HAK FAZ